

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam EMPAT (4) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Herodotus selalu dituduh sebagai terlalu mudah percaya; tetapi tuduhan tersebut ternyata salah." (R.G. Collingwood)

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, bincangkan kedudukan Herodotus sebagai Bapa Sejarah.

2. "Ssu-ma Ch'ien adalah seorang ahli sejarah yang memiliki suatu perasaan cinta dan simpati yang luar biasa untuk masa lampau." (Burton Watson)

Nilaikan kesahan pandangan di atas.

3. "Sejarah Melayu sesungguhnya adalah sebuah dokumen politik." (Abdul Rahman Hj. Ismail)

Bincangkan.

4. "Ranke telah memihak kepada pemenang-pemenang, khususnya pemenang-pemenang Jerman." (M.A. Fitzsimons)

Sejauh manakah penulisan Ranke menawarkan bukti-bukti untuk menyokong pandangan di atas?

BAHAGIAN B

5. "Minat sejarah politik cenderung ke arah realiti-realiti—ke arah apa yang benar-benar telah berlaku." (R.R. Elton)

Berpandukan kepada pernyataan di atas, nilaiakan kesesuaian mengutamakan negara sebagai isi perkara sejarah.

6. "Peranan dan pengaruh Haji Abdul Rahman Limbong telah mencipta satu sejarah yang penting dalam masyarakat yang sezaman dengannya." (Timah Hamzah)

Sejauh manakah pernyataan di atas menggambarkan secara tepat peranan Haji Abdul Rahman Limbong dalam Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu?

7. "Masalah-masalah moral seeloknya diserahkan oleh ahli sejarah kepada pakar perundangan, ahli falsafah dan ahli agama." (G. Kitson Clark)

Mengikut tinjauan anda, bolehkah cadangan di atas menjaga kewibawaan ahli sejarah?

8. Berikut ialah sebuah dokumen yang memetik fasal-fasal penting dari Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895. Sila baca dokumen itu dengan teliti dan jawab semua soalan yang dicatat di bawah.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895

- i. Raja itu hendaklah daripada bangsa Melayu dan darah raja yang turunan daripada pemerintah-pemerintah Johor dan lelaki dan beragama Islam dan demikian juga pihak-pihak yang dikatakan "waris" dan "waris yang kedua" dan "waris yang lain".
- ii. Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau oleh kerana hendak mendapat mengambil dan menerima sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian

juga ada larang dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat raja.

Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang diletakkan Tuhan ke atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat raja derhaka ia kepada raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.

- iii. Adalah pada tentang raja yang dikurniakan Allah Tuhan Yang Maha Tinggi dan dengan berkat Nabi Muhammad s.a.w. ada lagi memerintah ini (iaitu kita Abu Bakar Sultan bagi kerajaan dan jajahan Johor yang telah dengan sebab dan Perkenan Tuhan Rabbialamin telah menolong menjadikan kerajaan Johor apa yang ada rupanya ini ialah bagi yang demikian mengucap kita syukur beribu-ribu syukur) dengan keredaan dan timbangan Mesyuarat Kerajaan kita tiada ditentukan sesuatu jumlah wang yang tetap bagi belanja kita kerana istana-istana dan angkatan-angkatan tubuh badan kita sendiri akan tetapi adalah kita dengan surat ini menjadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang bagi Raja-raja Johor yang di belakang daripada kita tiada sekali-kali boleh seseorang pun mengambil dan memakai bagi pergunaan dirinya satu duit pun lebih dari jumlah yang telah ditentukan daripada sesuatu masa kepada suatu masa oleh Mesyuarat Kerajaan maka pada tentang itu inilah pula kita jadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang bahawa hendaklah jumlah wang yang ditentukan bagi belanja raja itu sebenar-benarnya berpatutan cukup dan padan dengan pangkat dan mertabat kebesaran raja kerajaan dan dalam aturan mencatatkan berapa banyak belanja raja itu tiadalah sekali-kali boleh diambil fadhlul atas apa-apa pendapatan raja itu yang terbit daripada harta-harta dan hak-haknya sendiri dan yang bukan hak kerajaan.
- iv. Adapun pekerjaan-pekerjaan Mesyuarat Kerajaan itu iaitu terutamanya membantu raja dan Jemaah Menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat iaitu seperti membuat dan menjadikan membetul dan menambah atau membezakan undang-undang dan aturan daripada segala jenis dan rupa melainkan undang-undang agama dan hukum syarak dan memikirkan hal membuka negeri dan mengerjakan umrah negeri dan memberi ikhtiar-ikhtiar yang baik bagi menerbitkan hasil dan menambah akan perniagaan dan membaiki hal-hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman dalam negeri dan daerah takluk jajahan Johor dan memanjangkan muhibah dan perdamaian dengan kerajaan-kerajaan asing.

- v. Adalah yang dikatakan "agama negeri" bagi jajahan dan kerajaan Johor ini iaitu agama Islam maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya menjadi dan diaku dan disebut "agama negeri" yakni tiadalah sekali-kali boleh sebarang agama lain. Dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala agama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperagamakan dalam segala dan segenap daerah takluk kerajaan Johor oleh orang-orang yang beragamakan ia.
- vi. Hendaklah segala undang-undang dan adat-adat negeri dijalankan dan diperlakukan dengan adil dan benar oleh segala mahkamah kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di antara sekalian isi negeri dan yang dagang yang berhenti dan duduk bernaung di dalamnya sama ada bagi sementara atau dengan berlanjut-lanjutan masanya yakni dengan tiada sedikit juga pun melebih akan timbang rasa atau pandangan atau cenderung kepada pihak-pihak yang beragamakan agama negeri iaitu Islam atau memperbezakan rakyat negeri dengan yang bukan rakyat negeri.

Soalan-soalan

- (a) Bagaimanakah Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 telah memberikan suatu kedudukan yang istimewa kepada agama Islam? (20%)
- (b) Apakah bukti bahawa Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 telah memelihara hak-hak asasi rakyat? (20%)
- (c) Tanggapan bahawa perlembagaan sebuah negeri tidak mengambil berat soal pembangunan ekonomi tidaklah betul jika Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 ditelitikan. Terangkan. (30%)
- (d) Adakah perlembagaan Johor yang dipetik di atas menyokong pandangan bahawa negeri itu telah mengamalkan pemerintahan raja berperlembagaan? Beri sebab-sebab untuk keputusan anda. (30%)